

Labur Raya 2020 (“Kempen”)

Terma & Syarat

Kelayakan

1. Kempen ini dianjurkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (No. Syarikat: 47457-V) (“ASNB”).
2. Kempen ini bermula pada 28 Mei 2020 (jam 12.01 minit tengah malam) hingga 31 Julai 2020 (jam 12 tengah malam) (“Tempoh Kempen”).
3. Kempen ini terbuka kepada warganegara Malaysia kecuali semua kakitangan Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (“PNB”) termasuk tetapi tidak terhad kepada PNB, ASNB, Pelaburan Hartanah Nasional Berhad, PNB Merdeka Ventures Sdn. Bhd., Attana Hotels & Resorts Sdn. Bhd (formerly known as PNB Management Services Sdn. Bhd.) dan PNB Research Institute Sdn. Bhd.
4. Untuk layak menyertai Kempen ini, peserta mesti memenuhi syarat-syarat berikut:
 - i. peserta mestilah berusia lapan belas (18) tahun ke bawah dan merupakan pemegang Akaun Bijak ASNB;
 - ii. peserta mestilah layak melabur dalam Akaun Bijak Amanah Saham Bumiputera (“ASB”), Akaun Bijak Amanah Saham Bumiputera 2 (“ASB 2”) atau Akaun Bijak Amanah Saham Bumiputera 3 Didik (“ASB 3 Didik”);
 - iii. peserta mestilah mempunyai pelaburan minima sekurang-kurangnya RM10 dalam unit amanah ASB, ASB 2 atau ASB 3 Didik;
 - iv. pelaburan mestilah dibuat menerusi perkhidmatan portal myASNB, perbankan internet, atau di kaunter cawangan ASNB / ejen berdaftar ASNB; dan
 - v. pelaburan mesti dibuat dalam Tempoh Kempen;
5. Tiada had penyertaan untuk setiap peserta.

Pemenang dan Hadiah

6. Untuk layak sebagai pemenang, peserta perlu memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak ASNB.
7. Sebanyak tujuh (7) kategori hadiah boleh dimenangi (“Hadiah Kempen”) berdasarkan kategori-kategori berikut:
 - i. Hadiah Utama
Hadiah Kempen dalam bentuk unit amanah ASB, ASB 2 atau ASB 3 Didik bernilai RM3,000.00 kepada lima (5) pemenang yang membuat pelaburan permulaan atau tambahan sepanjang Tempoh Kempen.
 - ii. Hadiah Kategori Pelaburan
 - a) Hadiah Kempen dalam bentuk unit amanah ASB, ASB 2 atau ASB 3 bernilai RM1,000.00 akan diberikan kepada lima belas (15) pemenang yang membuat

pelaburan permulaan atau tambahan dari RM1,001 ke atas sepanjang Tempoh Kempen.

- b) Hadiah Kempen dalam bentuk unit amanah ASB, ASB 2 atau ASB 3 Didik bernilai RM700.00 akan diberikan kepada tiga puluh (30) pemenang yang membuat pelaburan permulaan atau tambahan dari RM801.00 – RM1,000.00 sepanjang Tempoh Kempen.
 - c) Hadiah Kempen dalam bentuk unit amanah ASB, ASB 2 atau ASB 3 Didik bernilai RM500.00 akan diberikan kepada lima puluh (50) pemenang yang membuat pelaburan permulaan atau tambahan dari RM601.00 – RM800.00 sepanjang Tempoh Kempen.
 - d) Hadiah Kempen dalam bentuk unit amanah ASB, ASB 2 atau ASB 3 Didik bernilai RM300.00 akan diberikan kepada seratus tiga puluh (130) pemenang yang membuat pelaburan permulaan atau tambahan dari RM401.00 – RM600.00 sepanjang Tempoh Kempen.
 - e) Hadiah Kempen dalam bentuk unit amanah ASB, ASB 2 atau ASB 3 Didik bernilai RM200.00 akan diberikan kepada dua ratus lima puluh (250) pemenang yang membuat pelaburan permulaan atau tambahan dari RM201.00 – RM400.00 sepanjang Tempoh Kempen.
 - f) Hadiah Kempen dalam bentuk unit amanah ASB, ASB 2 atau ASB 3 Didik bernilai RM100.00 akan diberikan kepada tiga ratus lima puluh (350) pemenang yang membuat pelaburan permulaan atau tambahan dari RM10.00 – RM200.00 sepanjang Tempoh Kempen.
8. Seramai lapan ratus tiga puluh (830) pemenang akan dipilih secara rawak melalui sistem yang diuruskan oleh pihak ASNB.
 9. Setiap peserta hanya layak untuk memenangi satu (1) unit hadiah sepanjang Tempoh Kempen. Jika pelaburan dilakukan lebih dari sekali, jumlah terkumpul pelaburan tambahan dalam Tempoh Kempen akan diambilkira untuk menentukan hadiah yang diterima peserta.
 10. Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai. Pihak ASNB berhak menukar mana-mana hadiah dengan nilai yang sama.
 11. Pemenang-pemenang akan dimaklumkan serta dihubungi oleh pihak ASNB melalui mana-mana kaedah komunikasi yang bersesuaian. Senarai pemenang juga akan disiarkan di dalam laman web ASNB.

Lain-lain Terma & Syarat

12. Dengan menyertai Kempen ini, peserta telah bersetuju dengan terma dan syarat Kempen ini. Keputusan pemenang adalah muktamad dan sebarang rayuan atau pertikaian tidak akan dilayan.
13. Peserta juga bersetuju bahawa melalui penyertaan di dalam Kempen ini, peserta membenarkan ASNB untuk menggunakan gambar, nama dan butiran peribadi peserta, menurut peruntukan perundangan berkaitan untuk tujuan pentadbiran, pemasaran dan publisiti tanpa sebarang kos atau pampasan.

14. Semua pemenang Kempen ini bertanggungjawab ke atas segala cukai, kadar, fi atau sebarang bayaran yang mungkin dikenakan ke atas mereka menurut undang-undang berkaitan dengan hadiah-hadiah dan Kempen ini.
15. Pihak ASNB berhak membuat pindaan terhadap terma dan syarat Kempen menggunakan apa-apa kaedah yang difikir sesuai oleh ASNB tanpa membuat apa-apa kenyataan kepada mana-mana pihak.
16. ASNB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap sebarang kerugian yang ditanggung oleh peserta yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan peserta dalam Kempen ini.
17. ASNB juga tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang kerugian yang ditanggung oleh peserta yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan peserta dalam Kempen ini sekiranya berlaku sebarang kejadian bencana semula jadi, peperangan, rusuhan, mogok, sekatan, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, pandemik, kemarau, rebut, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang kejadian di luar kawalan ASNB.
18. Terma dan syarat Kempen ini tertakluk kepada undang-undang Malaysia.
19. Terma dan syarat Kempen ini akan mengatasi mana-mana peruntukan atau kenyataan berkaitan Kempen ini yang terkandung dalam mana-mana bahan-bahan promosi samada bercetak atau elektronik.